

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## KARNIVAL RAHMAH PERINGKAT NEGERI KELANTAN

**KOTA BHARU, 4 OGOS 2023 – Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup** hari ini telah merasmikan **Karnival RAHMAH Peringkat Negeri Kelantan** bertempat di MYDIN Mall Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

2. Fokus utama **Karnival RAHMAH Peringkat Negeri Kelantan** yang dijalankan pada hari ini bertujuan untuk menangani kos sara hidup warga **Malaysia MADANI** melalui **Program Jualan RAHMAH**. Objektif utama **Program Jualan RAHMAH** ini ialah untuk memberi peluang kepada pengunjung mendapatkan barang keperluan asas harian sehingga **30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat**.
  
3. **Program Jualan RAHMAH** yang berlangsung pada hari ini diadakan selama **dua (2) hari iaitu pada 4 Ogos 2023 sehingga 5 Ogos 2023**. Antara barang-barang keperluan yang ditawarkan adalah:
  - i. Ayam Standard;
  - ii. Telur Ayam;
  - iii. Sayur-sayuran;
  - iv. Minyak masak;
  - v. Tepung;

- vi. Beras; dan
  - vii. Barang keperluan harian yang lain.
4. Untuk makluman, **Program Jualan RAHMAH** mula diperkenalkan bermula Januari 2023, dimana sejumlah **1193 lokasi** telah terlibat dengan **Jualan RAHMAH** di seluruh negara sehingga hari ini. Terdapat **tiga(3) model Jualan RAHMAH** iaitu dalam premis, luar premis, dan Jualan RAHMAH Bergerak iaitu berkonseptan #kedaicarirakyat.
5. Penganjuran **Program Jualan RAHMAH** ini dapat memberi kesan yang positif dalam usaha untuk meringankan kos sara hidup warga **Malaysia MADANI**. Ini dapat dilihat melalui jumlah keseluruhan pengunjung yang hadir iaitu berjumlah lebih kurang **dua (2) juta orang** dan rekod jualan bagi seluruh Negara berjumlah melebihi **RM50 juta**.
6. Pada masa yang sama, **YB Timbalan Menteri** turut menyampaikan sebanyak **20 Bakul RAHMAH** kepada penerima yang terdiri daripada kumpulan B40. Untuk makluman, **Bakul RAHMAH** itu bernilai **RM50** yang terdiri daripada barang keperluan asas harian seperti beras, gula pasir, tepung gandum, minyak masak,bihun, sardin dan barang keperluan harian yang lain.
7. Dalam pada itu juga, kementerian secara langsung menggalakkan **100 peniaga Pasar Malam MYDIN Mall Tunjong, Kota Bharu** dalam menawarkan **Menu RAHMAH** yang merupakan salah satu program dibawah **Inisiatif Payung RAHMAH**. Untuk rekod Pasar Malam MYDIN Mall ini menjadi tarikan tumpuan utama rakyat di Kelantan pada hujung minggu untuk berbelanja dan dengan adanya tawaran **Menu RAHMAH** dapat menarik perhatian serta mendapat manfaat kepada pengguna dan peniaga terutamanya.

8. Turut berlangsung di reruai **Karnival RAHMAH Peringkat Negeri Kelantan** ialah pameran agensi kerajaan, perkhidmatan menderma darah, pemeriksaan kesihatan perubatan, pendaftaran syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Perkhidmatan Kaunseling Kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, dan juga Persembahan Dikir Barat Kepenggunaan oleh artis tempatan.
9. **KPDN** mengajak dan menggalakkan lebih ramai lagi pemain industri samaada pasar raya, pemborong dan peruncit supaya dapat bersama-sama menjayakan aspirasi ini dalam mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat.
10. **KPDN** merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang mampan sepanjang menjayakan **Karnival RAHMAH Peringkat Negeri Kelantan** ini bagi membantu golongan yang memerlukan dalam meringankan beban kos sara hidup warga **Malaysia MADANI** di samping meningkatkan pendapatan para peniaga.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH SALLEH,  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
KOTA BHARU, KELANTAN, 4 OGOS 2023.**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia  
Intellectual Property Corporation of Malaysia

